**EDITOR, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

# KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR (16 DISEMBER 2022)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) memandang serius deportasi 114 warga Myanmar berikutan keputusan Mahkamah Tinggi untuk membatalkan perintah penangguhan interim yang menghalang penghantaran pulang mereka pada 13 Disember 2022.

Mahkamah Rayuan dijadualkan untuk mendengar permohonan penangguhan pelaksanaan pada 20 Disember 2022 (Selasa).

SUHAKAM menggesa Menteri Dalam Negeri untuk mengambil tindakan dan menghentikan proses penghantaran ini bagi membenarkan satu badan bebas menghubungi individu-individu ini untuk menjalankan penilaian yang sewajarnya dalam persekitaran yang sesuai.

Sebagai ahli Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, adalah penting bagi Malaysia untuk meneruskan usaha mencari penyelesaian yang berkekalan terhadap isu yang telah lama berlarutan ini kerana tiada sesiapa pun harus dideportasi ke negara di mana mereka mungkin mengalami penindasan.

**-TAMAT-**

**Prof. Dato’ Dr. Rahmat Mohamad**
**Pengerusi**
**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**
**16 Disember 2022**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my*